

27 MAR 1998

Umno-Mahathir

DR MAHATHIR KEKALKAN JAWATAN KETUA UMNO KUBANG PASU

ALOR SETAR, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian Kubang Pasu dalam persidangan perwakilan bahagian itu di sini hari ini.

Perdana Menteri menang tanpa bertanding.

Yang turut tidak ditentang ialah bekas Menteri Besar Kedah Tan Sri

Osman Aroff bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Senator Datuk Saad Man pula mengekalkan jawatan Naib Ketua dengan menewaskan pencabarnya Johari Baharom dengan kelebihan 176 undi.

Di Bahagian Pokok Sena, ketuanya Datuk Abdul Rahman Ibrahim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri tewas di tangan seorang lagi

Anggota Exco Kerajaan Negeri, Ahmad Lebai Sudin, pada persidangan perwakilan bahagian itu hari ini.

Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Penerangan Negeri, menang dengan majoriti 104 undi.

Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Sheikh Alias Mustafa pula

mempertahankan jawatan Timbalan Ketua dengan menewaskan Mahadzir Khalid dengan kelebihan 251 undi.

Jawatan Naib Ketua dikekalkan oleh Anggota Parlimen Pokok Sena Wan

Hanafiah Wan Mat Saman yang memperolehi 346 undi, mengalahkan Musa Ahmad

yang mendapat 153 undi.

Bagi Bahagian Padang Terap, seorang lagi anggota Exco Kerajaan Negeri

Ghazali Ibrahim mengekalkan jawatan Timbalan Ketua Umno Bahagian pada

persidangan perwakilan bahagian itu hari ini.

Beliau menewaskan usahawan Zakaria Din dengan kelebihan 61 undi.

Timbalan Menteri Kewangan Dr Datuk Affifuddin Omar mengekalkan jawatan

Ketua Umno bahagian itu tanpa bertanding.

Jawatan Naib Ketua dimenangi oleh seorang peniaga Che Mat Man yang

menewaskan penyandang Saad Ariffin dan usahawan Datuk Syed Sobri Syed

Hashim. -- BERNAMA

MN MAI

